

Terma dan Syarat | Peraduan Resipi Nutrisi Mama

1. Peraduan “Resipi Nutrisi Mama” (“Peraduan”) yang dipromosikan di laman Facebook Dumex Dugro® (<https://www.facebook.com/DumexDugro>) adalah dianjurkan oleh Danone Dumex (M) Sendirian Berhad (“Penganjur”).

2. Peraduan ini berlangsung dari 21 September 2017 pada pukul 11.59am hingga 5 November 2017 pada pukul 11.59pm (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk mengubah Tempoh Peraduan tanpa notis. Semua penyertaan yang diterima selepas 11.59PM 5 November 2017 tidak akan diterima.

3. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun (pada 21 September 2017) dan ke atas kecuali kakitangan serta ahli keluarga terdekat Penganjur, termasuk syarikat, pengedar, agensi pengiklanan dan promosi yang bersekutu dan/atau berkaitan.

4. Cara penyertaan:

a) Peserta mestilah mengambil foto hidangan bernutrisi yang disediakan untuk Si Manja.

b) Muat naik foto tersebut ke laman peribadi Facebook/Instagram sendiri dan sertakan kapsyen kreatif/inspirasi tentang penyediaan ‘lebih lagi nutrisi’ buat Si Manja anda bersama tanda pagar [#DumexDugroMY](#) [#ResipiNutrisiMama](#)

Nota: Peserta mestilah menetapkan tatapan siaran kepada awam.

5. Hadiah/Pemilihan pemenang:

a) Lima (5) pemenang akan dipilih Penganjur berdasarkan foto dan kapsyen yang kreatif.

b) Semua pemenang Peraduan ini akan diumumkan di laman Facebook Penganjur dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh akhir Tempoh Peraduan. Penganjur berhak untuk menggunakan sebarang kaedah atau medium lain yang sesuai atas budi bicaranya sendiri bagi tujuan mengumumkan pemenang Peraduan ini.

c) Lima (5) pemenang akan menerima satu (1) set peralatan memasak TEFAL (4 buah Alat Memasak TEFAL Expertise dan TEFAL Fry Delight) berjumlah RM2,131.

d) Dengan menyertai Peraduan ini, semua peserta dianggap telah bersetuju dan tertakluk pada terma dan syarat dan penglibatan dalam sebarang penggambaran/rakaman dan sebagainya yang berkaitan dengan Peraduan.

e) Pemilihan pemenang oleh pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat dan/atau isu berbangkit tidak akan dilayan.

f) Penuntutan hadiah:

i. Wakil Penganjur akan menghubungi pemenang melalui emel atau Pesanan Peribadi Facebook yang telah digunakan untuk penyertaan Peraduan. Para pemenang yang dihubungi dikehendaki menghantar butiran peribadi iaitu nama, no. kad pengenalan, alamat dan no. telefon bimbit melalui pesanan peribadi untuk tujuan penghantaran dan/atau tuntutan hadiah.

ii. Penghantaran hadiah akan dihantar ke alamat pemenang selepas pengesahan oleh Wakil Penganjur.

iii. Hadiah juga boleh dituntut di ibu pejabat Penganjur atas permintaan pemenang: (Alamat Penganjur: Danone Dumex (Malaysia) Sdn Bhd, Suites 8.01 & 9.01, Level 8 & 9, The Gardens South Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur).

iv. Hadiah hanya boleh ditebus dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh pemberitahuan pemenang tertakluk kepada budi bicara Penganjur dan masa pemenang. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah tidak dapat ditebus dalam tempoh yang dinyatakan.

v. Jika pemenang tidak dapat hadir untuk menuntut, Wakil Penganjur akan menghantar surat pengesahan yang wajib dikemukakan bersama semasa tuntutan hadiah oleh wakil pemenang.

g) Penganjur akan melakukan tiga (3) kali percubaan dalam masa satu minggu untuk menghubungi setiap pemenang selepas senarai pemenang diumumkan, atau tertakluk pada budi bicaranya. Pemenang juga digalakkan untuk menghubungi terus ke talian Careline kami, 1800-38-1038 bagi mengelakkan kebarangkalian kegagalan telekomunikasi berlaku. Sekiranya kesemua percubaan untuk menghubungi pemenang gagal, Penganjur berhak untuk memilih peserta seterusnya yang layak sebagai pemenang hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang layak tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.

h) Setiap Pemenang hanya boleh memenangi satu (1) set hadiah sahaja.

6. Penganjur dan pihak yang terlibat dalam Peraduan ini tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, gangguan atau ketidaksampaian penyertaan dan/atau sebarang kesilapan, kelewatan, gangguan, pemotongan, kerosakan dalam penghantaran, kegagalan rangkaian komunikasi, kelengkapan komputer, perisian, atau kegagalan disebabkan masalah teknikal Internet dan/atau akaun laman web Facebook, atau berikutan kesesakan trafik Internet. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penggunaan akaun Peserta yang tidak diizinkan bagi tujuan Peraduan ini.

7. Penganjur mempunyai hak, dalam budi bicaranya sendiri untuk melaksanakan sebarang penolakan atau pembatalan penyertaan yang tidak lengkap dan dalam budi bicara Penganjur dianggap sebagai tidak sesuai, mengandungi unsur-unsur dakwaan atau fitnah, melibatkan plagiarisme, melanggar (atau mungkin melanggar) sebarang hak cipta, tanda dagangan, atau apa-apa hak harta intelektual atau hak proprietari mana-mana entiti, bagi yang masih hidup mahupun yang sudah mati (termasuk hak-hak privasi, publisiti atau gambaran yang palsu).

8. Peserta tidak boleh menggunakan sebarang bahasa, perkataan atau kandungan yang sensitif yang boleh menyinggung mana-mana pihak yang berkaitan dengan (termasuk tetapi tidak terhad kepada) keganasan dan/atau pengambilan alkohol, bahan-bahan terlarang atau elemen-elemen yang berpotensi untuk melanggar hak atau merendahkan darjat sesiapa atau sebarang ahli mana-mana kumpulan berdasarkan bangsa, agama, latar belakang etnik, orientasi seksual atau status minoriti lain, menyatakan jenama-jenama lain, gambaran positif bagi pengambilan minuman berasaskan susu secara am, fitnah atau yang boleh memberikan gambaran buruk terhadap Penganjur.

9. Penganjur berhak, dengan budi bicaranya sendiri, untuk menukar hadiah set peralatan memasak TEFAL kepada hadiah lain yang sama nilainya tanpa notis kepada Peserta. Semua hadiah tidak dibenarkan untuk dipindah milik, dibayar balik atau ditukar kepada sebarang bentuk atas apa-apa sebab. Semua hadiah akan diberikan dalam keadaan sedia ada. Sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang, sebarang dan/atau semua representasi dan waranti termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, dagangan, kesesuaian atau kelayakan berkenaan pemberian hadiah adalah dikecualikan daripada Penganjur.

10. Peserta akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti terhadap sebarang kerugian, kemalangan, kecederaan, kerosakan dan/atau tuntutan yang timbul berhubung dengan penyertaan atau hadiah ini.

11. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh Peserta dan/atau pihak lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada kecuaiian, berkenaan dengan apa-apa kerugian, kerosakan, kecederaan, kemalangan dan/atau kematian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan dan/atau penggunaan hadiah ini. Sebarang pertikaian berkenaan dengan apa-apa terma dan syarat berkenaan Peraduan daripada mana-mana pihak ketiga yang terlibat hendaklah diselesaikan secara langsung di antara Peserta dan mana-mana pihak ketiga tersebut dan tanpa melibatkan Penganjur. Penganjur sama sekali tidak bertanggungjawab atau mempunyai obligasi untuk menyelesaikan sebarang pertikaian di antara Peserta dengan mana-mana pihak ketiga.

12. Penganjur berhak dalam budi bicaranya, untuk mengubah, menolak atau membatalkan sebarang penyertaan atas apa-apa sebab, termasuk dan tidak terhad kepada, apa yang dipercayai mengandungi sebarang perkara atau elemen yang berkaitan dengan bayi dan/atau produk terpilih yang melanggar Kod Etika Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.

13. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa keingkaran atau kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, wabak, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Penganjur.

14. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dan/atau pemenang bersetuju bahawa Penganjur berhak untuk memproses, menerbitkan dan menggunakan data peribadi Peserta dan/atau pemenang (termasuk nama, dan/atau data peribadi pihak ketiga yang dikemukakan oleh Peserta dan/atau pemenang di dalam Peraduan ini) untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang pampasan atau notis dan setiap Peserta, pemenang dan/atau mana-mana pihak ketiga tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau ganti rugi bagi penggunaan penyertaan oleh Penganjur. Kegagalan oleh Peserta untuk berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan Peserta dibatalkan.

15. Dengan menyertai Peraduan ini dan mengemukakan data peribadi Peserta, termasuk data peribadi pihak ketiga seperti ahli keluarga Peserta/anak, yang boleh dikenal pasti di dalam borang penyertaan; Peserta bersetuju dan mengesahkan bahawa persetujuan pihak ketiga telah diperolehi untuk pihak Penganjur dan/atau ejen Penganjur yang diberi kuasa menyimpan, menggunakan dan memproses data peribadi Peserta serta data peribadi pihak ketiga bagi Peraduan ini termasuk menyediakan perkhidmatan atau komunikasi dengan Peserta bagi tujuan publisiti, pengiklanan, perdagangan dan/atau promosi

pemasaran masa kini dan masa depan berhubung Peraduan ini. Kegagalan untuk memberi keizinan dan/atau memperolehi persetujuan daripada pihak ketiga akan menyebabkan kegagalan Peserta untuk menyertai Peraduan ini. Data peribadi yang diterima oleh Penganjur akan disimpan dalam kaedah yang bersesuaian oleh Penganjur dan digunakan untuk memenuhi permintaan Peserta. Penganjur juga berkemungkinan akan menggunakan data peribadi pihak ketiga untuk tujuan pemrosesan data peribadi. Peserta boleh memaklumkan Penganjur secara emel (privacy.my@danone.com) jika Peserta ingin menarik balik keizinan terhadap penggunaan data peribadi Peserta, pemindaan data peribadi Peserta atau membuat sebarang pertanyaan berkenaan dengan data peribadi Peserta. Bagi tujuan rujukan, sila rujuk kepada Notis Privasi Penganjur di [Polisi Privasi Danone Dumex](#).

16. Terma dan syarat ini boleh diubah atau ditambah oleh Penganjur melalui laman web Dumex Dugro® atau akaun laman web Facebook Dumex Dugro®, atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur. Peserta yang mengakses laman web Dumex Dugro® akan dianggap telah bersetuju terhadap sebarang perubahan dan/atau pindaan terhadap terma dan syarat Peraduan ini.

17. Penganjur berhak untuk mengubah Tempoh Peraduan atau membatalkan, menamatkan, menangguhkan atau menggantung Peraduan ini dengan notis yang diterbitkan di laman web Dumex Dugro® atau akaun laman web Facebook Dumex Dugro® atau dalam apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur. Peserta yang telah mengakses laman web Dumex Dugro® atau laman web Facebook Dumex Dugro® akan dianggap telah bersetuju dengan apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang perubahan Tempoh Peraduan atau pembatalan, penamatan, penangguhan atau penggantungan Peraduan ini oleh Penganjur tidak melayakkan Peserta untuk membuat tuntutan mahupun permohonan berkaitan apa-apa jenis pampasan terhadap Penganjur bagi sebarang dan/atau semua kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh mana-mana Peserta secara langsung atau tidak langsung berhubung dengan perubahan Tempoh Peraduan atau pembatalan, penamatan, penangguhan atau penggantungan Peraduan ini.

18. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, setiap Peserta dianggap bersetuju mengetepikan apa-apa hak yang mungkin ada terhadap Penganjur dan/atau terhadap pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen Penganjur (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, atau mana-mana pihak ketiga yang Penganjur mungkin melantik bagi tujuan Peraduan ini), berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul sama ada berdasarkan kontrak, tort, kecuaihan dan/atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini.